



IMAGINED
MALAYSIA

A History of Student Activism in Malaysia

Anis Syafiqah Mohd Yusof
Transcript

December 2020



Transcription of Interview with Anis Syafiqah Mohd Yusof

Interviewer : Fikri Fisal

Interviewee : Anis Syafiqah Mohd Yusof

Transcribed : 2nd November 2020

Executive Summary :

Anis Syafiqah Mohd Yusof is the eldest of five siblings. She was a student activist and a former student of Language and Linguistics at University Malaya. She led a student movement and organized a rally, #TangkapMO1, aimed at pressuring authorities into taking action against the elusive Malaysian Official 1 (MO1) – the code name mentioned in the United States Department of Justice’s civil suit to recover nearly US\$1 billion in 1MDB-linked assets.

Anis was among the people who were questioned by police over the rally under Section 147 of the Penal Code for rioting. University Malaya found her Anis guilty of acting in a manner detrimental and prejudicial to the interests and good reputation of the university; acting in a manner detrimental to public safety; and violating the university’s regulations by organizing and participating in the rally. She was given a six-month suspension and RM400 fine by University Malaya, for her involvement in the #TangkapMO1 rally.

In November 2016, a mass arrest struck several days before the Bersih 5.0 rally was set to kick off. Although several months have passed since the #TangkapMO1 rally, Anis was hauled up with at least 11 other individuals by the police under Section 147 of the Penal Code for rioting. However, she was released two days after the arrest.

At University Malaya, she started with the Persatuan Mahasiswa Islam UM as a member. She then stood for campus elections and won under the pro-Mahasiswa. Her secondary schooling days were spent learning to memorize the Quran and she later proceeded to earn a diploma in Quranic Studies. Her ambition is to be a lecturer, following in the footsteps of her parents who are both teachers at a primary and a secondary school in Sungai Besar, Selangor.

Fikri:	Ok, Anis, terima kasih kerana sudi ditemuramah oleh kami. So, soalan pertama, nak tahu lah berapa umur Anis ketika Anis menyertai gerakan siswa buat pertama kali?
Anis :	Semuanya bermula masa saya umur 23 tahun. Waktu tu saya 2 nd year di Universiti Malaya. Sebenarnya dari 1 st year saya join Persatuan Mahasiswa Islam UM (PMIUM). PMIUM ni dia terkenal dengan dari sudut terkehadapan dengan student politics, student activism. Masa tu saya joined aktiviti-aktiviti dalam kampus sahaja tapi masa 2 nd year, saya didedahkan dengan aktiviti student activism lah. Dah mula bergiat dalam student activism.



	<p>Kemudian sampai lah waktu tu awal 3rd year, saya terlibat dalam satu meeting dengan NGO juga. NGO anak muda dan juga students. Jadi saya antara student yang masa tu berbincang tentang US DOJ (United States Department of Justice)'s report berkenaan dengan 1MDB kan. Jadi masa tu semua brainstormed apa yang kita sebagai youths perlu buat. Isu ni dah jadi isu dunia sebab nama Malaysia naik di Jabatan Kehakiman US kan. Jadi ada satu cadangan untuk protes.</p> <p>Waktu tu idea-idea yang diketengahkan adalah nak ada satu wow-factor untuk protest tersebut. Jadi yang ni turning point lah macam mana saya boleh jadi frontline dalam student activism. Ada orang cadangkan wow-factor tu adalah yang lead protest tu adalah perempuan. Jadi dalam meeting tu ada dua orang sahaja student perempuan, saya dan kawan saya. Tapi kawan saya tu dia UMS jadi dia tak selalu ada di Semenanjung (Malaysia). Jadi waktu tu kira saya dipilih secara rawak lah.</p> <p>Sebelum tu pun saya pernah lah ikut protest macam Bersih, student protests yang lain, cumanya tak jadi frontline.</p>
Fikri :	Jadi siapa yang bagi pengaruh untuk Anis jadi lebih aktif?
Anis :	<p>Secara jujur nya, memang pengaruh rakan sebaya la juga sebabnya saya memang berminat bergiat aktif dalam persatuan asal nya. Kemudian bila kita dapat exposure tentang student activism, saya pun berminat la. Waktu tu tak ramai lah perempuan, student activist perempuan. Saya jadi macam antara student perempuan yang agak sikit lah yang joined activism.</p> <p>Tapi ia bermula melalui persatuan lah. Kalau mengikut ruang lingkup universiti, bermula melalui persatuan. Cumanya kalau dari sudut politik, background politics sebelum masuk alam kampus, background family saya ada juga lah yang aktif politik. Cuma saya tak secara langsung terlibat lah. Jadi isu-isu semasa tu selalu juga lah jadi perbualan antara keluarga.</p> <p>Jadi bila masuk ke kampus, didedahkan dengan politik dan activism. Saya ada minat lah untuk join.</p>
Fikri :	Jadi sekarang ni adakah Anis ada sertai apa-apa perjuangan buat masa sekarang?



Anis :	<p>Selepas daripada grad (graduate), saya berhenti. Sebelum saya (graduate), tapi waktu tu saya dah habis semester, saya pernah bekerja di Bersih. Pejabat Bersih. Saya berhenti kerja dan selepas tu saya bekerja sebagai guru.</p> <p>Sekarang ni saya duduk di Perak lah. Bekerja sebagai guru bawah KPM. Jadi saya ambil keputusan untuk hold dulu lah daripada aktif dalam mana-mana parti politik.</p>
Fikri :	<p>Ok sekarang saya nak tanya soalan berkenaan dengan macam mana suasana aktivisme ketika Anis di universiti?</p>
Anis :	<p>Waktu saya terlibat dalam student activism di UM, waktu tu masih lagi belum bertukar kerajaan. Jadi kerajaan yang kerajaan sebelum ni, sebelum PRU-14. Jadi waktu tu memang semua orang tahu lah kan keadaan politik macam mana. Disebabkan ada tekanan politik dari luar ke dalam universiti, students memang agak passive dan ketakutan lah untuk cakap benda-benda semasa yang melibatkan kerajaan ataupun politik.</p> <p>Jadi students yang terlibat dalam activism secara maksudnya yang menonjolkan diri dalam bidang activism ni agak kurang. Minoriti lah. Senang cerita, minority lah dalam universiti tu. Yang peka ramai cuma yang nak ambil tahu dan juga nak protes atau menyuarakan pandangan tu agak kurang. Satu, tekanan-tekanan dari pihak universiti sendiri. Kemudian daripada ni lah daripada kerajaan sendiri kepada pihak universiti dan juga kepada students.</p>
Fikri :	<p>Kalau lah ada suasana takut disebabkan tekanan, mungkin aktivisme waktu tu dia bertumpu kepada isu-isu yang bukan sensitive, ada tak? Ada tak gerakan-gerakan yang lebih fokus pada hal-hal budaya ke apa?</p>
Anis :	<p>Kalau di universiti masa tu, bagi saya lah, students berlumba-lumba nak ikut, sebab nak dapatkan merit, adalah program kolej. Kadang-kadang lebih kepada hiburan, kebudayaan, seni, macam tu ada lah. Tapi just dalam kampus. Di luar kampus mungkin lah ada macam kelompok-kelompok kecil contohnya macam intellectual movements. Tapi dia kelompok kecil lah. Bukan kelompok yang besar.</p> <p>Kemudian ada macam pejuang alam sekitar tapi masing-masing dengan kelompok masing-masing. Dia takda macam satu mass movement. Macam student activism pun takda satu mass movement yang kuat sebenarnya. Kadang-kadang bila waktu student activist anjurkan protest ke yang banyak bagi sokongan sebenarnya bukan students. Contohnya macam student buat protest, demonstrasi tapi yang banyak ikut tu orang</p>



	<p>luar, NGOs yang bagi sokongan. Students kebanyakannya tak berani lah nak join sebab takut kena tangkap, takut kena gantung universiti dan sebagainya lah.</p>
Fikri :	<p>Jadi sewaktu Anis aktif kan protes semua ni dan perhimpunan, banyak ke kes tekanan atau tindakan yang dikenakan kepada Anis dan semua peserta-peserta?</p>
Anis :	<p>Ha banyak. Bukan saya sorang je lah yang kena tindakan. Ada kawan daripada UiTM Sri Iskandar, kena juga tekanan daripada universiti, kena ugut untuk denda. Kemudian rakan-rakan lain lah yang orang dapat detect. Dibelakang saya yang joined saya sekali contohnya kalau protest yang kita buat tu, orang-orang yang polis dapat detect ataupun yang polis bantuan universiti dapat detect ikut berserta. Jadi kawan-kawan tu juga akan kena benda yang sama.</p> <p>Antaranya macam denda. Kemudian digantung pengajian. Kemudian amaran daripada universiti lah. Hukuman tatatertib. Senior-senior saya memang dah banyaklah yang daripada zaman ISA dulu, memang ramai daripada UM tu yang dah ada pengalaman ditangkap, dimasukkan ke dalam lokap dan sebagainya lah. Jadi disebabkan pengalaman-pengalaman students yang lepas tu, yang membuatkan banyak students yang kemudiannya rasa takut untuk menyuarakan pandangan berkenaan isu-isu yang dianggap sensitive lah, isu-isu negara.</p>
Fikri :	<p>Jadi misalnya Anis kalau tak silap saya, polis datang ke rumah untuk tahan. Betul ke?</p>
Anis :	<p>Ha ye. Rumah sewa masa tu. Rumah sewa saya dan kawan-kawan lah.</p>
Fikri :	<p>Cuba cerita sikit.</p>
Anis :	<p>Nak cerita suasana ke? Waktu tu bukan protest yang #TangkapMO1 tu. Waktu tu selepas protest tu. Sebabnya polis dah aim dah. Lepas protest #TangkapMO1 tu, dia hanya panggil untuk bagi keterangan saja kat balai polis tapi dia tak tangkap. Tapi yang polis tak tangkap tu adalah orang-orang yang di-aimed. Sebabnya kami ditangkap ramai-ramai pada malam sebelum... esoknya tu Bersih 5.0, protest Bersih 5.0.</p> <p>Jadi polis aimed kepada mungkin leaders-leaders yang berkaitan dengan Bersih lah. Waktu tu saya student. Saya takda kaitan apa pun dengan Bersih waktu tu. Cumanya mungkin dia nampak saya buat demonstrasi sebelum tu dan saya ada kaitan juga dengan Bersih. Ataupun waktu tu orang nampak macam kalau apa-apa protest berkenaan dengan kerajaan je dikira pembangkang, dikira menyebelahi pembangkang. Sedangkan waktu tu kami students, students takda apa-apa kepentingan jadi tak semestinya kalau kita pembangkang, kita adalah pembangkang.</p>



	Dan kita hanya merupakan satu pihak tak berkepentingan lah dan hanya menyuarakan pandangan sebagai students. Bukan mewakili mana-mana parti politik.
Fikri :	Kan Anis dikenakan tindakan tatatertib dan digantung oleh UM selama 1 semester ya?
Anis :	Ye, 1 semester.
Fikri :	Saya nak tanya pada pendapat Anis, proses yang dilakukan oleh universiti tu dia boleh kita kata itu proses yang adil ke tak?
Anis :	Memang ada campur tangan politik waktu tu sebabnya kepimpinan universiti waktu tu dipegang oleh orang-orang politik ataupun kepimpinan university dilantik oleh orang-orang politik. Maksudnya memang ada kaitan lah dengan politik. Sepatutnya universiti bersifat bebas kan daripada mana-mana unsur politik ataupun bias kan. Jadi disebabkan lantikan kepimpinan universiti itu sendiri adalah melalui politik, apa-apa berkaitan politik akan affect lah kepada students. Jadi nak kata adil tu memang tak lah.
Fikri :	Tapi masa Anis kena tindakan tatatertib tu adakah Anis diberi peluang untuk hujah balas dan sebagainya?
Anis :	Ada. Sebabnya kami diberi peluang untuk ada pembela la. Ada peguam sendiri. Tapi peguam tu mesti daripada dalam universiti. Bukan peguam luar. Maksudnya law students ataupun pensyarah kami sendiri yang akan jadi peguambela dalam mahkamah universiti. Tapi nak kata mahkamah universiti ni agak tak logik adalah dia punya panel-panel untuk soal, macam hakim tu adalah orang daripada HEP tu sendiri. Universiti tu sendiri. Jadi macam mana kita nak dapat keadilan daripada universiti tu? Jadi itu lah. Walaupun bukti-bukti yang ditunjukkan oleh pihak kami agak ketara yang menunjukkan kami tidak bersalah dan kami tidak melanggar AUKU. Sebab diantara pertuduhannya adalah merosakkan harta benda awam, memalukan nama universiti. Jadi kami hujah balas yang kami tak melanggar pun Akta tersebut. Jadi daripada hujah-hujah tu, masih lagi kami dikenakan tindakan universiti. Jadi itu lah. Kami dibawa ke mahkamah tu takda point pun sebenarnya. Hanya lakonan wayang universiti.
Fikri :	Proses tu berapa lama sebelum tindakan uhh keputusan diambil?
Anis :	Sebulan. Ambil masa sebulan. Tapi dalam masa sebulan tu masih dibenarkan untuk belajar, masuk kelas dan sebagainya.
Fikri :	Bagaimana dengan reaksi orang-orang sekeliling Anis? Keluarga, rakan-rakan, dorang bagi sokongan penuh tak dekat Anis sewaktu dalam tempoh ni?



<p>Anis :</p>	<p>Kalau macam orang sekeliling yang dekat dengan saya macam keluarga, kawan-kawan satu rumah, kawan-kawan satu kelas memang support lah. Macam ayah saya sendiri pun faham kenapa saya aktif dalam activism ni. Sebabnya dia ada fahaman politik dia sendiri so dia support lah apa yang saya buat asalkan saya tahu apa yang saya buat. Bukannya hanya ikut-ikut orang lah. Dan saya boleh bertanggungjawab dengan apa yang saya buat tu. Itu dari sudut keluarga lah.</p> <p>Kalau dari sudut rakan-rakan, yang banyak support saya tu rakan serumah tu memang rakan satu persatuan. Jadi memang semua support lah. Takda yang object ataupun halang ke. Cumanya mungkin daripada pensyarah lah. Pensyarah tak semuanya setuju dengan apa yang kami buat kan. Tapi ada pensyarah yang menyokong. Cuma pensyarah yang menyokong cuma sama ada dia berani menyokong secara terang-terangan ataupun dia menyokong secara dibelakang.</p> <p>Kalau yang terang-terangan tu memang yang jadi backup saya masa kat mahkamah universiti adalah Timbalan Dekan fakulti saya sendiri. Memang dia tolong saya lah. Untuk jadi, orang kata, orang yang berhujah lah. Seorang daripada pensyarah, seorang daripada student, law student.</p>
<p>Fikri :</p>	<p>Jadi ada juga lah golongan pengajar, tenaga pengajar yang beri sokongan secara terbuka?</p>
<p>Anis :</p>	<p>Ya. Sebenarnya golongan tenaga pengajar dia ada satu organisasi dia sendiri yang menyokong students lah. Persatuan Kakitangan Akademik UM (PKAUM). Tapi yang memegang PKAUM ini adalah pensyarah-pensyarah waktu tu la. Waktu saya di Universiti Malaya. Waktu tu ada Prof. Azmi Sharom. Prof. Azmi Sharom waktu tu Presiden PKAUM. Jadi yang menyokong kami tu kebanyakan yang join PKAUM tu lah.</p> <p>Memang PKAUM ni dianggotai oleh semua pensyarah cuma dia punya hala tuju ataupun pegangan tu lebih kepada nak bantu students kalau kena tindakan dan sebagainya. Dia ada kefahaman dia macam tu lah. Bukan yang orientasinya lebih kepada akademik sahaja. Tak. Dia berfikiran terbuka.</p>
<p>Fikri :</p>	<p>Nak tanya, PKAUM ni ada tawarkan khidmat guaman atau khidmat kewangan tak kepada pelajar yang contohnya macam kena dakwa, macam Anis contohnya?</p>
<p>Anis :</p>	<p>Ada. Sebabnya satu yang jadi Presiden PKAUM tu waktu tu memang lecturer law faculty jadi memang dia ambil berat lah tentang... Kebanyakan yang aktif dalam</p>



	<p>PKAUM ni adalah lecturers law faculty. Lepas tu fakulti sains social kemudian fakulti bahasa. Macam saya, saya fakulti bahasa. Yang back up saya tu adalah Timbalan Dekan fakulti bahasa.</p> <p>So, macam kalau kewangan pun mereka akan bantu. Cuma mungkin dari sudut individu lah. Bukan daripada PKAUM tu sendiri sebab agak susah untuk dapatkan kelulusan sebab dia melibatkan universiti juga. Bila melibatkan universiti, faham lah dia punya birokrasi dan sebagainya kan.</p>
Fikri :	Setahu Anis ada tak tindakan yang diambil univerisiti terhadap tenaga pengajar yang menonjolkan sokongan kepada Anis dan rakan-rakan?
Anis :	Masa saya setakat ni takda. Cumanya Prof. Azmi Sharom pernah lah. Bukan disebabkan kes saya. Kes senior-senior sebelum ni... student law semua turun sebab Prof. Azmi Sharom berucap dekat Speakers' Corner.
Fikri :	Akta Hasutan tu ke?
Anis :	Ya. Akta Hasutan. Waktu tu memang Prof. Azmi Sharom dalam pantauan lah tapi masih lagi dia jadi lecturer law fakulti sampai lah PRU-14, dia sendiri keluar dan terlibat dalam SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya).
Fikri :	Saya nak bawa Anis balik ke peristiwa perhimpunan #TangkapMO1 tu. Kalau saya faham cerita Anis tadi, rancangan untuk menganjur perhimpunan tu dimulakan di meeting pada tahun 2016 tu lah. Meeting tu...
Anis :	Students' meeting.
Fikri :	Students' meeting. Isu 1MDB yang dihebohkan oleh media. Lalu Anis dan rakan-rakan pun decide untuk buat perhimpunan. Jadi itu adalah satu keputusan yang telah dibuat melalui perbincangan yang lama ke atau ada yang disagree, ada yang agree? Macam mana proses perbincangan aktivis-aktivis waktu tu?
Anis :	Keputusan untuk buat protest tu dalam satu meeting sahaja cumanya meeting-meeting seterusnya adalah untuk menyusun protest tu. Cumanya keputusan nak buat protest tu hanya dalam satu meeting. Meeting tu dalam 2 jam juga lah. <p>Sebabnya nak fikirkan satu protest yang membuka mata ramai pihak lah. Sebab protest-protest sebelum ni... bukannya kita nak tarik perhatian tapi kurang lah dapat perhatian daripada masyarakat. Contoh protest berkaitan PTPTN, itu hanya orang kata melibatkan pelajar je lah. Interest hanya kepada pelajar je. Jadi orang lain tak</p>



	<p>terasa. Banyak je protest-protest yang melibatkan urus tadbir kerajaan tapi tak dapat perhatian daripada masyarakat sebab mungkin masyarakat masih selesa.</p> <p>Jadi bila isu 1MDB ni, seolah-olah nama negara kita ni dah tercalar lah di mata dunia sebab dah naik kat negara lain kan. Jadi daripada situ kita perlukan satu wow-factor dan keputusan daripada meeting tu melantik saya sebagai yang akan lead protest tersebut tapi dengan sokongan kawan-kawan juga. Sebab saya memang takda pengalaman langsung lead protest sebelum masa tu. Cumanya pernah lah joined protest. Dan mungkin dari segi waktu tu saya dah pernah bertanding di peringkat universiti sebagai Majlis Perwakilan Pelajar kemudian menang di kerusi fakulti. Jadi keyakinan rakan-rakan yang appoint saya untuk lead protest tu, ada lah keyakinan tu.</p> <p>Cumanya saya objek masa tu kenapa nak kena ada wow-factor tu, kenapa nak mempergunakan wanita. Kenapa perempuan kena dipergunakan la maksudnya, saya kata macam tu. Bukan apa lah. Cuma kenapa wow-factor mesti perempuan, saya kata. Jadi orang kata, why not. Sebab dari sini lah orang nampak women empowerment. Jadi bila saya fikir balik, mungkin ada benarnya lah apa yang dikatakan tu. Jadi why not saya cuba cipta pengalaman baru bagi saya sendiri. Apa salahnya kalau betul dunia activism perlukan nafas baru. Mungkin perempuan boleh lead activism pada waktu tu supaya masyarakat boleh buka mata apa yang nak disampaikan dalam protest tu. Atas kesedaran tu lah saya melibatkan diri.</p>
<p>Fikri :</p>	<p>Meeting yang disebutkan tadi ni dan keputusan yang diambil selepas itu, adakah kita boleh anggap ini tindakan 100% keputusan golongan mahasiswa sahaja? Ke sebenarnya ada sumbangan atau campur tangan ataupun sokongan ataupun bimbingan orang luar?</p>
<p>Anis :</p>	<p>Mungkin yang ini agak... orang kata... tapi sebab dah lama berlaku jadi saya jujur lah kan. Kalau students nak buat semua 100%, memang mustahil lah untuk dapat buat satu benda yang grand. Even kalau students kat universiti buat event pun mesti perlukan sponsors dan sebagainya.</p> <p>Lagi satu, dari sudut macam mass movement yang akan menggerakkan, students takda kekuatan tu masa tu. Sebab satu, memang minoriti students yang ada kesedaran dalam activism. Tak semua berani untuk ikut lah kan. Jadi mana kita nak dapatkan mass movement. Mana kita nak dapatkan sumber kewangan. Masing-</p>



masing pun bukannya orang kaya. Students pun takda duit. Jadi perlukan sponsors juga. Tapi sponsors bukannya boleh dapatkan daripada syarikat-syarikat ke. Sebabnya program-program yang nak dibuat ni adalah underground dan tak dapat kelulusan universiti. Jadi takda birokrasi.

Kemudian pula melibatkan dengan politik Malaysia. Ha memang takda siapa nak bagi sumbangan kecuali NGOs atau political parties yang sama kepentingan dengan apa yang kita cuba bawa. Jadi sebelum-sebelum ni interview, selepas saya dah jadi student, saya tak bagitahu benda ni. Tapi sebab benda ni dah lama, jadi saya bagitahu juga la dia punya realiti sebenar waktu tu. Jadi kita perlukan juga lah sumbangan daripada luar. Jadi meeting yang first tu memang 100% students.

Kemudian kita pergi meeting yang kemudian tu untuk kita bina connections dengan orang luar. Bukan bermaksud bila kita terima apa-apa sumbangan, kita mesti ikut telunjuk daripada parti politik ataupun NGO tersebut. Kita just JV – joint venture dengan dorang sebab kita ada satu benda yang sama nak dibawa. Tapi still, main organiser adalah students. Jadi walaupun mereka bekerjasama dengan students tapi mereka kena dengar apa yang students nak. Tak boleh students mesti ikut apa yang mereka nak. Sebab yang anjurkan tu adalah students.

Jadi kami pegang betul-betul lah tu supaya stigma masyarakat bahawa kalau students yang melakukan protest ni adalah alat ataupun boneka parti politik ataupun boneka pembangkang ketika itu. Jadi itu lah syarat-syarat yang kami letakkan sebagai students. Walaupun students taka da apa-apa, ada satu yang orang boleh yakin adalah orang mendengar apa yang students nak sampaikan. Memang kalau NGO ataupun parti politik memang berebut kalau ada students yang nak, yang sama pemikiran ataupun perjuangan dengan mereka.

Jadi kita ambil ni sebagai satu advantage lah untuk students punya movement. Jadi mungkin meeting yang ke-3... Yang ke-2 dengan NGO anak muda. Ada beberapa NGOs lah waktu tu. Kita minta pertolongan dari sudut macam mana nak menggerakkan. Macam mana nak berkempen dan sebagainya. Itu lebih kepada NGO lah. Sumbangan pun ada juga daripada NGO.



	<p>Kemudian parti politik dari sudut mass movement dan juga sponsors lah ada. Cumanya waktu tu memang kami tetapkan syarat waktu perjumpaan dengan ketua parti-parti politik pembangkang masa tu. Sebab apa yang kami nak bawa ni, kami jemput juga parti-parti ataupun sayap anak muda daripada parti-parti kerajaan tapi tak disambut. Kita jemput jelah semua parti. Cuma memang akan dapat sambutan daripada pembangkang je lah masa tu. Waktu tu ada Parti Amanah ada dah waktu tu. Parti Keadilan ada. Semua wakil daripada parti-parti. Mat Sabu semua ada lah ikut meeting tu.</p> <p>Saya sebagai pembentang lah dalam meeting tu... plan kami untuk protest tersebut. Waktu tu parti-parti politik yang datang hanya ikut dan dengar lah apa yang kami nak. Dan kami tetapkan syarat parti-parti politik nak bawa ahli-ahli masing-masing, digalakkan lah untuk bawa ahli masing-masing tapi tak boleh hijack protest tersebut dengan cara pakai baju parti ke... Sebabnya kita ada baju kita sendiri. Jadi itulah syarat-syarat yang kami bagi kalau parti-parti politik nak ikut. NGO takda masalah sebab NGO biasanya dia akan support lah students. Cuma parti politik ni nak mileage lah sebenarnya. Jadi itu lah kami tetapkan syarat-syarat yang kami tetapkan apabila ada parti-parti politik yang nak joint-venture sekali dengan students.</p>
Fikri :	Syarat-syarat itu diikuti lah oleh parti-parti politik? Takda siapa yang cuba hijack ke apa lah?
Anis :	Ada. Ada percubaan untuk hijack. Waktu protest tu berlangsung, kami naik atas lori. Tapi ada lagi satu lori lain yang macam nak alihkan perhatian orang-orang yang join sekali demonstrasi tu lah. Tapi dapat dibawa bincang lah kemudian mereka pergi ke tempat lain. Maksudnya tak hijack. Mungkin sebab miscommunication ke. Sebab yelah students kan. Kadang-kadang ada yang boleh hormat. Ada juga yang pandang students, ala budak je.
Fikri :	Saya nak tanya Anis berkenaan keterlibatan wanita dalam aktivisme. Ada anggapan umum wanita di IPTA kurang menonjolkan diri atau kurang terserlah dalam aktivisme atau dalam barisan kepimpinan persatuan contohnya. Anis rasa anggapan tu tepat atau tidak?
Anis :	Bagi saya, agak kurang tepat. Sebab memang keterlibatan pelajar ataupun students wanita di universiti memang selalunya ke depan lah. Tapi dari sudut politik, kebanyakannya male students lah. Pelajar lelaki yang mendominasi. Sebabnya satu, secara umumnya pelajar memang takut lah dengan tekanan daripada kerajaan dan



	<p>sebagainya. Tapi penglibatan daripada pelajar wanita tu lagi kurang lah. Sebenarnya mana-mana pun didominasi oleh lelaki juga. Di universiti pun didominasi oleh lelaki.</p> <p>Tapi perempuan still ada dia punya circle masing-masing. Contohnya setiap persatuan ada dia punya hal ehwal mahasiswi kan. Jadi dia aktif di circle masing-masing lah. Tapi di frontline memang diakui keterlibatan pelajar wanita agak kurang.</p>
Fikri :	Anis rasa apa faktor-faktor yang mungkin boleh menjelaskan situasi ni?
Anis :	<p>Satu mungkin persekitaran dan budaya lah. Daripada dulu lagi kalau dari sudut activism dan benda-benda yang besar ni, memang selalunya lelaki yang mendominasi. Memang kepimpinan universiti sendiri, VC orang lelaki contoh. Jadi memang budaya tu masih belum lagi boleh diubah lah. Mungkin sedikit sebanyak bawa kepada pelajar tu sendiri, budaya untuk perempuan urus macam benda-benda, execute benda-benda macam Setiausaha, ha benda-benda macam tu. Bukannya memberi arahan.</p> <p>Kebanyakan mahasiswa termasuklah Persatuan Mahasiswa Islam sendiri memang macam tu sebenarnya. Tapi yang jadi idea untuk mengetengahkan perempuan ni adalah bila meeting tu adalah meeting yang digabungkan antara students dengan NGO anak muda. Jadi lebih terbuka sikit lah pandangan tu. Dan bila saya cuba melibatkan diri untuk lead protest, perkara ni boleh membuka mata ramai pihak lah, memadamkan stigma yang pelajar perempuan tak boleh hadapan. Sedikit sebanyak keterlibatan saya ni, ada pelajar-pelajar perempuan yang berani ke hadapan.</p>
Fikri :	Sewaktu Anis memimpin perhimpunan #TangkapMO1 tu, ada tak Anis rasa halangan tertentu sebab Anis ni wanita? Wujud tak situasi begitu?
Anis :	<p>Sebenarnya ada. Even daripada persatuan sendiri pun ada. Macam pandangan yang sinis lah daripada pelajar-pelajar lelaki yang satu persatuan. “Boleh ke?” Tapi tak dinafikan ramai juga yang menyokong sebab ini adalah satu pembaharuan untuk nafas baharu activism mahasiswa. Jadi halangan tu tak menjejaskan emosi ataupun semangat saya untuk melibatkan diri. Sebab lebih banyak sokongan daripada tentangan.</p> <p>Kejap ya... pause dulu kejap... Ah, ok dah.</p>
Fikri :	Ok. Dalam persekitaran IPTA (Institut Pengajian Tinggi Awam) yang banyaknya datang daripada kaum Melayu, apa perubahan yang perlu dilakukan?



Anis :	<p>Tentang dominasi pelajar Melayu, sebenarnya dalam activism masa di waktu zaman saya lah, masa saya di universiti, sebenarnya banyak dibantu juga oleh rakan-rakan berbangsa Cina. Kebanyakannya berbangsa Cina lah di sana sebab rakan-rakan daripada bangsa Cina di Universiti Malaya ada satu organisasi dia sendiri. Nama dia UMANY – University Malaya Association of New Youth. Memang rakan-rakan dari UMANY banyak membantu student protest dan dari sudut activism ni. Dan mereka juga ada siri-siri protes mereka di universiti. Dan yang jadi saya punya lawyer di mahkamah universiti pun Chinese student juga daripada faculty law.</p> <p>Jadi mereka ni banyak support lah sebab dari sudut pemikiran politik mereka, mereka agak berfikiran terbuka lah berbanding dengan... Sebenarnya pelajar-pelajar Melayu di universiti kebanyakan memilih kepada pro-admin lah. Pelajar-pelajar Cina kebanyakan pemikirannya lebih kepada pro-students. Cumanya masih tak ramai lah. Ada yang macam buat hal sendiri. Ada juga yang berani untuk protest. Cuma dari sudut support lah, bila ada student yang kena apa-apa tindakan disebabkan student activism ataupun student protest.</p> <p>Jadi macam mana cara nak mempelbagaikan sosio-budaya dalam student activism ni adalah dengan cara integrasi dalam student’s organisasi. Contohnya macam kalau dalam mesyuarat-mesyuarat melibatkan pelajar dari pelbagai kaum dan juga lelaki dan perempuan. Jadi penglibatan yang variasi ataupun pelbagai daripada pelajar ni akan... cara pemikiran dia pun akan variasi. Mungkin kalau student movement ni hanya didominasi oleh pelajar lelaki sahaja cara dia, satu cara jelah. Takda satu idea-idea yang baru ataupun idea yang lain daripada sebelumnya. Jadi bila ada satu integrasi idea ni akan jadi satu perkara yang lebih grand lah.</p> <p>Disebabkan saya duduk di Universiti Malaya, dari sudut idea yang berbilang tu takda masalah. Cumanya kadang-kadang ada lah konflik bila contohnya dalam pilihanraya kampus. Kita ada satu organisasi pro-mahasiswa. Pro-mahasiswa tu melibatkan calon-calon daripada Melayu ada, Cina ada, India ada sebab kita ikut demografi tempat-tempat kampus ataupun fakulti. Dari situ takda masalah lah sebab nak bertahun-tahun buat cumanya kadang-kadang ada konflik.</p> <p>Sebabnya student yang Chinese biasanya dia akan ikut senior-senior dia punya idea. Kadang-kadang bertembung juga lah dengan idea persatuan mahasiswa Islam.</p>
---------------	---



Fikri :	Dulu kalau kita baca sejarah aktivis dulu zaman '70an, '60an tu, konflik antara persatuan ni boleh jadi kadang-kadang sampai ada pergaduhan lah. Fizikal juga kadang-kadang. Jadi semasa Anis sendiri di UM, wujud ke pergeseran berbentuk begitu kalau ada perbezaan pendapat?
Anis :	Maksudnya yang dalam satu kumpulan ataupun kumpulan yang berbeza?
Fikri :	Kumpulan-kumpulan yang berbeza.
Anis :	Mesti ada. Daripada dulu lagi. Contoh pro-aspirasi dengan pro-mahasiswa tu memang selalu tak sehaluan lah, tak sependapat. Tapi kalau contohnya satu kesatuan tapi berlainan organisasi sebab kesatuan ni memang unit organisasi yang endorse perkara yang sama. So, daripada situ kadang-kadang ada lah perkara yang tak dipersetujui tapi tak dibincangkan. Jadi solution untuk perkara ni adalah meeting lah dan keputusan tu memang itu... tidak diubah oleh orang yang lebih dominan supaya rakan-rakan yang bekerjasama tu tak rasa dipermainkan lah.
Fikri :	Jadi kalau setiap kali ada pengeseran atau konflik tu, dialog lah menjadi satu solution yang digunapakai?
Anis :	Ya, dialog.
Fikri :	Takda lah tumbuk ke apa, takda lah?
Anis :	Setakat ni kalau yang sama pemikiran, takda lah sampai yang bertumbuk. Tapi kalau yang berbeza tu mungkin ada sikit pergaduhan lah. Maksudnya berbeza dari sudut macam maksud saya pro-mahasiswa dengan pro-aspirasi, ada yang bergaduh sampai bertumbuk. Cuma mungkin tak terlalu ketara lah kot ataupun tak diwarwarkan. Ada.
Fikri :	Jadi kalau pro-aspirasi dan pro-mahasiswa contohnya kan sangat selalu bertembung, ada tak masa-masa yang dorang berjaya bersatu-padu dalam satu agenda atau satu objektif?
Anis :	Ada. Contoh program kolej. Program kolej memang lah didominasi mahasiswa pro-aspirasi ataupun pro-admin kampus tapi ada juga pro-mahasiswa yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti kolej. Dari sudut kerjasama untuk menjalankan program ataupun dalam kelas, yang itu biasanya semua orang boleh adapt lah untuk bekerjasama. Cumanya program yang bersifat politik ni memang akan berbeza sangat dari sudut pro-mahasiswa dengan pro-admin.



Fikri :	Ok. Saya nak tanya soalan seterusnya. Ada tanggapan yang menyatakan golongan aktivis ni banyak bersifat eksklusif sesama mereka. Bagaimana Anis respond kepada tanggapan tu?
Anis :	Maksud eksklusif tu syok sendiri lah maksudnya?
Fikri :	Pasal dia tak merangkumi lah sangat pelajar-pelajar yang bukan aktivis ni.
Anis :	<p>Oh, ok. Mungkin ada benarnya lah tanggapan bahawa student aktivis ni agak eksklusif dengan circle dia sahaja. Sebab mungkin dia pemikiran dia adalah daripada golongan student yang minoriti yang berpemikiran macam tu. Jadi, satu, mungkin satu dia tak nak ganggu kawan-kawan dia yang memang dah mindset tak nak terlibat dalam aktivism. Satu lagi, mungkin disebabkan dia selesa dengan circle dia. Dia rasa orang lain tak berminat nak join dia ataupun tak mempunyai minat yang sama dengan dia. Biasa lah orang akan lebih cenderung kepada orang yang ada persamaan kan dengan dia. Mungkin itu yang menyebabkan orang ada tanggapan bahawa student activism ni bersifat eksklusif.</p> <p>Sebenarnya ada usaha (di antara aktivis) untuk menjadi lebih inklusif, sebabnya dia memerlukan pelapis dan juga penyokong.</p>
Fikri :	Ada juga dakwaan yang mengatakan golongan aktivis pelajar... Dia biasanya secara umum datang daripada golongan yang privileged. Sebab kalau yang kurang privileged, dia takda masa nak risau tentang isu-isu negara. Dia nak belajar, graduate, kerja, cari makan. Tu macam mana pula?
Anis :	<p>Yalah tanggapan tu mungkin ada benarnya tapi kebanyakan student yang jadi student activists zaman saya adalah underprivileged. Sebab dia rasa tekanan tu. Contoh yuran tinggi, yuran mahal. Dia rasa. Sebab dia bukan daripada keluarga berada nak bayar semua tu dan tahu sepatutnya universiti boleh kurangkan yuran. Disebabkan itu dia suka jadi golongan yang suka sama-sama ikut untuk protest.</p> <p>Saya pun bukannya keluarga berada pun cuma keluarga sederhana. Dia takda kaitan sangat dengan privilege tak privilege. Dia hanya ada sudut minat dengan kesedaran lah. Kalau nak kata student privileged join student activism, saya rasa kawan-kawan saya semua daripada keluarga yang sederhana jelah yang disekeliling saya yang join student activism. Tak dinafikan yang ada juga daripada keluarga privileged. Tapi sama je. Yang tak join activism pun ramai juga dari golongan privileged sebab masing-</p>



	<p>masing ada dunia masing-masing. Masing-masing dah selesa dengan keadaan masing-masing.</p> <p>Tapi kalau yang underprivileged yang joined student activism, itu tak pelik sebab dia tahu apa yang dia perjuangkan tu memang dia rasa tekanan tu.</p>
Fikri :	Kalau Anis bangkitkan tadi isu yuran naik, ada lagi tak isu lain yang serupa yang mana students terkesan dan dia protest?
Anis :	Isu-isu students lah kebanyakannya. Contohnya tak dapat kolej kediaman. Sedangkan aktif di kolej tapi tak dapat kolej kediaman. Ataupun yuran kolej kediaman mahal. Biasanya dari sudut ekonomi lah yang membuatkan students protest. Ataupun harga dekat canteen ataupun kafe-kafe mahal.
Fikri :	Dan ada tak isu-isu yang dibangkitkan ni, yuran kolej kediaman semua ni, ada tak masa yang dia berjaya?
Anis :	<p>Ada. Ada yang berjaya. Sebab tu bila ada orang pertikaikan student activism ni bising je lebih tapi takda apa-apa pun yang dapat. Banyak cara yang digunakan. Kreativiti daripada student activism ni yang membuatkan pihak admin dapat tekanan dan disebabkan tekanan tu, admin bagi. Contoh yuran dapat dikurangkan. Ada.</p> <p>Contohnya masa zaman sebelum saya, zaman PTPTN, zaman Adam Adli, tak silap saya, peratus bayaran PTPTN dapat dikurangkan kepada berapa peratus saya pun tak ingat tapi berjaya lah. Maksudnya bukan sahaja di peringkat universiti sahaja tapi di peringkat kerajaan sekalipun, protest students tu berkesan sebenarnya walaupun tidak semuanya ditunaikan.</p>
Fikri :	<p>Ok. Saya nak tanya Anis pasal penggunaan internet, penggunaan media sosial. Kan sekarang ni semua orang pakai media sosial. Jadi dia dah membawa budaya activism yang baru. Kalau dulu memang kena turun lah, memang wajib lah. Tunjuk perasaan memang kena turun ke jalanan.</p> <p>Tapi sekarang ni dah tak perlu. Sekarang ni share ke, like ke, hashtag ke, kira dah menjalankan amanah lah. Jadi Anis rasa ini satu perubahan yang bagus ke? Dia boleh lagi bantu membawa perubahan ataupun dia akan jadi masalah?</p>
Anis :	Dia ada pros and cons dia lah. Dari sudut kebbaikanya, satu, penyokong ataupun perjuangan dalam sesuatu perkara akan menjadi lebih ramai lah. Lebih banyak partisipasi sebab boleh reach orang tu lebih banyak.



	<p>Dan dari sudut tekanan dari pihak atasan ke admin, orang mungkin tak perasan siapa punya pemilik akaun dan sebagainya. Jadi orang lebih selesa untuk menyokong. Kebaiakannya dari sudut itu lah. Penyokongnya lebih ramai atau sesuatu perjuangan tu akan lebih dapat support.</p> <p>Tapi dari sudut keburukannya pula adalah mungkin dari sudut pembinaan karakter student tu sendiri kan sebabnya kita dah takda meeting sama-sama. Kita dah tak menyusun program sama-sama. And then, tak memerlukan tenaga untuk keluar, untuk komunikasi face-to-face. Jadi dari sudut kemahiran dan juga pengalaman tu agak kurang sedikit berbanding penglibatan activism jalanan. Kurang sikit.</p> <p>Sebab bagi saya lah, masa saya terlibat dengan student activism dulu, masa tu media social ada dan memang kita gunakan dua-dua lah. Media social dan turun ke lapangan. Jadi bila turun ke lapangan ni kita lebih dapat ramai kawan. Kita dapat banyak pengalaman. Kita kenal orang ni macam mana, organisasi ni macam mana. Jadi nilai-nilai yang macam tu kurang untuk pergerakan yang hanya 100% di media social, movement di media social.</p>
Fikri :	Pada pandangan Anis, apakah makna seorang aktivis? Aktivis pelajar lah.
Anis :	Secara umumnya lah, aktivis ni orang yang memperjuangkan sesuatu. Tak kisah la apa pun yang kita perjuangkan. Mungkin yang lebih sinonim lah dengan perkataan aktivis pelajar ni adalah lebih kepada perjuangan hak-hak pelajar dan juga pelajar bersuara dengan lantang untuk menyuarakan sesuatu perkara yang dia tak puas hati ataupun dia ada rasa tanggungjawab kepada masyarakat untuk menyampaikan pandangan tentang isu tentang negara ataupun persekitaran dia.
Fikri :	Kita tahu ada pindaan kepada AUKU kan baru-baru ni tahun 2018. Jadi adakah itu sudah mencukupi? Boleh ke Anis perhatikan perbezaan setelah undang-undang tu dipinda?
Anis :	Sebenarnya ada AUKU ke takda AUKU ke macam sama je. Cuma dulu perjuangan kita kebanyakan pelajar, aktivis pelajar lah memperjuangkan abolish ataupun mansuh terus AUKU tu. Tapi ada juga yang berhujah kita tak boleh mansuhkan semua sebab AUKU tu adalah satu peraturan dan susahlah kalau pelajar takda peraturan. Jadi ada yang berhujah macam tu lah. Masing-masing dengan pandangan masing-masing.



	<p>Bagi saya lah, kalau kita nak tengok perbezaan sekarang dengan dulu, dengan sebelum ni, sebenarnya student activism ni dipengaruhi oleh suasana politik negara juga sebenarnya. Sebabnya kita tengok lah student activism ni lebih rancak bila lebih banyak tekanan dia dapat.</p> <p>Jadi sifat student orang muda adalah sebenarnya sukakan cabaran ataupun pantang dicabar. Jadi dia akan react kepada situasi cabaran tu dan bila takda cabaran, dia rasa selesa lah. Dia masih di zon selesa dan mungkin akan kurang lah aktiviti-aktiviti student activism tu sendiri. Lagi satu mungkin sekarang suasana politik negara pun dah membuatkan bukan sahaja students lah tapi anak muda sendiri agak complicated dan kebanyakan daripada anak muda dah taknak ambil kisah dah tentang politik.</p> <p>Kalau dulu hitam dan putih. Sekarang ni macam kelabu. Orang dah tahu nak pendirian mana satu sebab dah banyak pergaduhan, banyak konflik dalam politik jadi kebanyakan anak muda yang kata walaupun dulu aktif dengan politik, ada yang macam dah tak nak ambil tahu pun. Dah political fatigue lah.</p>
Fikri :	Jadi Anis rasa kalau kita buang AUKU tu, dia akan jadi penggalak tak untuk pelajar-pelajar kita lebih bersuara dan sebagainya?
Anis :	Bukannya serta merta bila AUKU dimansuhkan, students akan lebih lantang. Tak. Sebab student activism ni dia dibina. Bukannya dia tiba-tiba ada. Even masa saya dalam student activism dulu pun, kita cuba untuk bersifat inklusif, dapatkan kepercayaan atau perhatian, rakan-rakan lain di universiti kenapa kita perjuangkan ini, perlu fahamkan juga kepada orang ramai, kepada masyarakat kenapa students buat macam ni.
Fikri :	Soalan terakhir lah kira ni. Apa persepsi Anis tentang aktivisme pelajar sekarang ni? Dan Anis optimistic tak terhadap nasib dan perkembangan aktivisme di Malaysia?
Anis :	Ok, saya tak berani nak komen lebih sebab saya tak berada di kalangan mahasiswa dah. Sekarang ni saya di alam kerjaya. Tapi kalau melihat sebagai seorang warganegara lah, students mungkin lebih banyak... Yelah kesan daripada wabak Covid-19. Mungkin dari sudut pergerakan tu agak dah kurang. Penglibatan students, suara-suara students tu mungkin lebih kepada protest-protest yang online protests. Dari sudut kempen-kempen tu masih ada cuma kita tak nampak secara jelas lah. Kalau dulu, bila students turun ke lapangan dengan buat protest ke, penjelasan isu ke,



	<p>media dia ambil peranan untuk capture dan bagi tahu isu kepada masyarakat. So, ini yang students tengah buat sekarang ni. Tapi sekarang mungkin kurang lah kan. Sebab students tengah focus isu Covid-19, politik negara sendiri. Jadi politik students ni agak... kalau kita tengok dari sudut media lah, agak kurang.</p> <p>Jadi mungkin lah student activism sekarang ni agak tenggelam lah tapi masih ada lagi usaha-usaha untuk menaik-taraf student activism. Sebabnya satu perkara yang macam semua orang masih lagi dalam persoalan la kan, tak tahu macam mana nak selesaikan adalah keberlangsungan students' activism ni dia bermusim sebabnya berapa tahun je students tu di universiti. Setiap generasi tu akan berlainan dia punya tahap ataupun perkembangan activism tu. Kalau students tu active, waktu tu jelah. Kemudian kalau dia dah keluar universiti, siapa yang akan menyambunginya?</p> <p>Jadi mungkin dari sudut recruitment untuk students' activism ni masih lemah lah, bagi saya. Even masa zaman saya sekalipun, recruitment memang problem. Usaha untuk pembentukan kesedaran activism tu masih lagi perlu ditambahbaik. Dan sebenarnya satu perkara yang lagi penting adalah suasana politik negara. Sebenarnya dia... Kalau tak perlu tunggu politik negara pun sebenarnya students boleh je perjuangkan apa-apa yang ada dalam kampus. Tapi biasanya yang melibatkan masalah-masalah dalam kampus takkan di-capture oleh media. Jadi dia tak terlalu obvious.</p> <p>Just yang baru-baru ni macam saya rasa agak jelas isu students adalah yang melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi baru ni. Yang students kena balik pastu trending kat Twitter suruh Menteri KPT turun letak jawatan. Itu satu perkembangan yang baik lah dari sudut protest secara online kan. Sampai trending. Dia ikut zaman juga lah dan persekitaran politik semasa, landscape politik negara.</p>
Fikri :	Ok thank you.
Anis :	Ok, terima kasih juga semua.

